



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS HUBUNGAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN PSIKOSOSIAL DAN GAYA PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN MATEMATIK TAMBAHAN TINGKATAN EMPAT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NUR HASLISA BINTI ISA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS HUBUNGAN ANTARA PERSEKITARAN
PEMBELAJARAN PSIKOSOSIAL DAN GAYA
PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN
MATEMATIK TAMBAHAN
TINGKATAN EMPAT**

NUR HASLISA BINTI ISA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MATEMATIK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 20 (hari bulan) September (bulan) 2017

i. Perakuan pelajar :

Saya, **NUR HASLISA BINTI ISA , M20121000110, FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **ANALISIS HUBUNGAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN PSIKOSOSIAL DAN GAYA PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN MATEMATIK TAMBAHAN TINGKATAN EMPAT** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DR. MAZLINI ADNAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **ANALISIS HUBUNGAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN PSIKOSOSIAL DAN GAYA PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN MATEMATIK TAMBAHAN TINGKATAN EMPAT** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **IJAZAH SARJANA (PENDIDIKAN MATEMATIK)**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title : *ANALISIS HUBUNGAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN PSIKOSOSIAL DAN GAYA PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN MATEMATIK TAMBAHAN TINGKATAN EMPAT*
 No. Matrik / Matric's No. : *M20121000110*
 Saya / I : *NUR HASLISA BINTI ISA*

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: _____

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasii berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatNya saya dapat menyiapkan tesis ini. Saya juga bersyukur kerana dikurniakan kesihatan yang baik sepanjang penulisan disertasi ini.

Di ruangan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak dalam saya menyiapkan disertasi ini. Kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Mazlini Bt Adnan yang tidak jemu-jemu memberikan tunjuk ajar kepada saya. Tanpa sokongan dan bantuan beliau, tidak mungkin saya dapat menyiapkan disertasi yang sempurna ini. Terima kasih juga kepada para pembaca yang memberikan input dan teguran dalam kajian ini dan penulisan disertasi ini.

Seterusnya ucapan terima kasih ditujukan juga kepada semua guru dan murid yang terlibat dalam kajian ini. Tanpa kerjasama mereka, tidak mungkin saya dapat menyiapkan kajian ini. Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan pengetua-pengetua sekolah yang terlibat, terima kasih kerana memberikan kebenaran saya menjalankan kajian ini.

Akhir sekali ingin saya merakamkan penghargaan yang tidak terhingga buat suami yang tercinta, Moha Faizal Bin Abdul Rahman dan anak-anak Nur Khalisha Nadiah, Muhammad Yusuf Fahmi, Nur Khaireen Syifa, Nur Syaffiyah Amaanii, Nur Iman Fatihah dan Muhammad Muazzin serta semua ahli keluarga termasuk abah saya iaitu Isa Bin Hussin. Sokongan, dorongan, pengorbanan dan bantuan kalian semua, menjadikan saya lebih bersemangat dan kuat dalam menyiapkan disertasi dan pengajian sarjana ini. Terima kasih kepada semua, semoga Allah S.W.T sentiasa memberkati dan merahmati hidup kita. Amin.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan persekitaran pembelajaran psikososial dan gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti perbezaan persekitaran pembelajaran psikososial dan gaya pembelajaran mengikut jantina dan jenis sekolah dalam pencapaian Matematik Tambahan. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara persampelan berstrata yang melibatkan 205 orang murid Tingkatan Empat aliran sains yang mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan di 13 buah sekolah menengah di daerah Setiu. Instrumen kajian ialah borang soal selidik *What is Happening in This Classroom* (WIHIC) dan borang soal selidik gaya pembelajaran Model Dunn dan Dunn. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan tahap persepsi murid tentang psikososial persekitaran pembelajaran dan gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan murid, manakala analisis inferensi pula melibatkan ujian MANOVA dan ujian Spearman Rho. Hasil kajian menunjukkan bahawa aspek keakraban murid mempunyai tahap persepsi yang paling tinggi berbanding aspek lain dalam persekitaran pembelajaran psikososial, manakala hasil kajian juga mendapati kategori emosional merupakan kategori gaya Model pembelajaran Dunn dan Dunn yang paling dominan. Hasil kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa murid-murid di Sekolah Berasrama Penuh mementingkan keakraban antara satu sama lain berbanding murid-murid di sekolah lain. Manakala gaya pembelajaran di ketiga-tiga jenis sekolah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengikut jantina dan jenis sekolah. Analisis Spearman Rho pula menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara persekitaran pembelajaran psikososial dengan pencapaian Matematik Tambahan, manakala tiada hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan. Kesimpulannya, kajian menunjukkan persekitaran pembelajaran psikososial dan gaya pembelajaran dapat meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Matematik Tambahan. Implikasi kajian ialah persekitaran pembelajaran psikososial dan gaya pembelajaran merupakan elemen yang perlu diberi perhatian dalam usaha meningkatkan pencapaian mata pelajaran Matematik Tambahan.





ANALYSIS OF THE RELATIONSHIP BETWEEN THE PSYCHOSOCIAL LEARNING ENVIRONMENT AND LEARNING STYLES TO THE ACHIEVEMENT OF FORM FOUR ADDITIONAL MATHEMATICS

ABSTRACT

This study was aimed to determine the relationship of psychosocial learning environment, learning styles with the Additional Mathematics achievement. The study also aimed to identify psychosocial differences in the learning environments and learning styles by gender and school type in achievement. Quantitative approaches with a survey design were used for this study. A number of 205 form four Additional Mathematics students from 13 secondary schools in Setiu district were chosen using strata sampling methods as studied subjects. Research instrument were employed which are „What is Happening in This Classroom“ (WIHIC) and Dunn and Dunn learning styles. Data were analyses using descriptive and inferential analysis. Descriptive analysis describe the level of perception about psychosocial learning environment and the most dominant learning style while inferential analysis involved the MANOVA and Spearman’s Rho correlation test. The findings showed that the students’ familiarity had the highest level of level of perception while the emotional category learning styles was the dominant of the students. The results also showed that students from Boarding Schools are concerned with the aspects of relationship with each other compared the students in other schools. While the learning style in three types of schools showed no significant differences in gender and school type. Spearman’s Rho correlation analysis showed that was significant relationship between psychosocial learning environments with achievement while no significant relationship between learning styles with achievement. As a conclusion, psychosocial learning environment and learning style are elements that need to be attention to enhance the achievement of these subjects. The implicates of the study are the psychosocial are the elements that need to be addressed in order to improve the achievement of this subjects.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii



SENARAI RAJAH ix

SENARAI SINGKATAN x

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 4

1.3 Pernyataan Masalah Kajian 10

1.4 Tujuan Kajian 19





1.5 Objektif Kajian	19
1.6 Persoalan Kajian	20
1.7 Hipotesis Kajian	21
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	23
1.9 Kepentingan Kajian	26
1.10 Batasan Kajian	27
1.11 Definisi Operasional	29
1.12 Kesimpulan	32



BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	34
2.2 Pembelajaran	35
2.3 Persekutaran Pembelajaran	38
2.3.1 Kajian Lepas Tentang Persekutaran Pembelajaran	43
2.4 Gaya Pembelajaran	47





2.4.1 Model-Model Yang Berkaitan Dengan Gaya	51
Pembelajaran	
2.4.1.1 Model Gaya Pembelajaran Honey & Mumford	51
2.4.1.2 Model Gaya Pembelajaran Dunn & Dunn	54
2.4.1.3 Model Gaya Pembelajaran Kolb	60
2.4.2 Kajian Lepas Tentang Gaya Pembelajaran	62
2.5 Kesimpulan	74



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	75
3.2 Reka Bentuk Kajian	76
3.3 Lokasi Kajian	77
3.4 Populasi dan Responden Kajian	78
3.5 Pencapaian Mata Pelajaran Matematik Tambahan Dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2015	83





3.6 Instrumen Kajian	84
3.6.1 Bahagian A (Demografi Responden)	85
3.6.2 Bahagian B (Gaya Pembelajaran Model Dunn & Dunn)	85
3.6.3 Bahagian C (Persekitaran Pembelajaran Psikososial)	86
3.7 Kesahan dan Kepercayaan Instrumen Kajian	87
3.8 Kajian Rintis	89
3.9 Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	90
3.10 Prosedur Pengumpulan Data	92
3.11 Analisis Data	94
3.11.1 Analisis Data Secara Statistik Deskriptif	94
3.11.2 Analisis Data Secara Statistik Inferensi	94
3.12 Kesimpulan	98



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	100
4.2 Taburan Jenis Sekolah	101
4.3 Taburan Responden Mengikut Jantina	101
4.4 Taburan Gred Pencapaian Mata pelajaran Matematik Tambahan Bagi Peperiksaan Pertengahan Tahun 2015	102
4.5 Dapatan Kajian	103



4.5.1 Tahap Persepsi Murid Tentang Terhadap Persekutuan Pembelajaran	104
4.5.2 Gaya Pembelajaran Yang Paling Dominan	112
4.5.3 Perbezaan Tahap Persepsi Tentang Persekitaran Pembelajaran Psikososial Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Tambahan berdasarkan Jantina dan Jenis Sekolah	122
4.5.4 Perbezaan Gaya Pembelajaran Murid Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Tambahan Berdasarkan Jantina dan Jenis Sekolah	128





4.5.5 Hubungan Antara Aspek-aspek Persekutaran	134
Pembelajaran Psikososial Dengan Pencapaian	
Matematik Tambahan Dalam Kalangan Murid	
4.5.6 Hubungan Antara Kategori-kategori Gaya	136
Pembelajaran Dengan Pencapaian Matematik	
Tambahan Dalam Kalangan Murid	
4.6 Kesimpulan	138

BAB 5

5.1 Pengenalan	140
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	141
5.2.1 Persepsi Tentang Persekutaran Pembelajaran Psikososial	146
5.2.2 Gaya Pembelajaran Yang Paling Dominan	152
5.2.3 Perbezaan Aspek-aspek Psikososial Persekutaran	157
Pembelajaran Di Kalangan Murid Mengikut Jantina	
Dan Jenis Sekolah	





5.2.4 Perbezaan Gaya Pembelajaran Murid Di Kalangan	170
---	-----

Murid Mengikut Jantina dan Jenis Sekolah

5.2.5 Hubungan Antara Aspek-aspek Persekutaran	173
--	-----

Pembelajaran Psikososial Dalam Kalangan Murid

5.2.6 Hubungan Antara Kategori-kategori Gaya	176
--	-----

Pembelajaran Dalam Kalangan Murid

5.3 Implikasi Kajian	180
----------------------	-----

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	183
------------------------------	-----



5.5 Kesimpulan Kajian	184
-----------------------	-----

RUJUKAN	185
----------------	-----

LAMPIRAN	199
-----------------	-----

A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	200
---	-----

B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT)	201
---	-----

C Soal Selidik Responden	202
--------------------------	-----





SENARAI JADUAL

No Jadual	Muka Surat
1.1 Gred Dan Tahap Pencapaian Murid	28
2.1 Ciri-ciri Gaya Pembelajaran Kolb	61
3.1 Taburan Populasi Mengikut Sekolah	79
3.2 Taburan Sampel Kajian Mengikut Jenis Sekolah	82
3.3 Taburan Sampel Kajian Sebenar Mengikut Jenis Sekolah	83
3.4 Jadual Skala Likert Empat Mata	86
3.5 Jadual Item Bagi Setiap Kategori	86
3.6 Jadual Skala Likert Lima Mata	87
3.7 Jadual Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	91
3.8 Jadual Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alfa Cronbach Bagi Konstruk Gaya Pembelajaran	91
3.9 Jadual Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Konstruk Persekutuan Pembelajaran	92





3	Hipotesis Nol dan Statistik Inferensi Berkaitan	97
4.1	Latar Belakang Demografi Responden Mengikut Jenis Sekolah	100
4.2	Latar Belakang Demografi Responden Mengikut Jantina	101
4.3	Taburan Responden Mengikut Gred Matematik Tambahan Peperiksaan Pertengahan Tahun Tingkatan Empat 2015	102
4.4	Jadual Interpretasi Skor Min	103
4.5	Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Aspek-Aspek Psikososial Terhadap Persekutaran Pembelajaran	104
4.6	Nilai Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Bagi Aspek Keakraban Murid	105
4.7	Nilai Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Bagi Aspek Kerjasama Murid	107
4.8	Nilai Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Bagi Aspek Kesaksamaan Guru	109
4.9	Nilai Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Bagi Aspek Sokongan Guru	111
4.10	Nilai Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Bagi Aspek Penglibatan Murid	112
4.11	Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kategori Gaya Pembelajaran	114
4.12	Nilai Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Gaya Pembelajaran Bagi Kategori Emosional	116
4.13	Nilai Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Gaya Pembelajaran Bagi Kategori Psikologikal	118
4.14	Nilai Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Gaya	120





Pembelajaran Murid Bagi Kategori Sosiologikal

4.15	Nilai Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Gaya Pembelajaran Bagi Kategori Persekutaran	122
4.16	Nilai Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Skor Bagi Gaya Pembelajaran Bagi Kategori Fizikal	124
4.17	Ujian <i>Box's M</i> Untuk Aspek Persekutaran Psikososial Berdasarkan Jantina Dan Jenis Sekolah	126
4.18	Hasil Analisis MANOVA Perbezaan Aspek-Aspek Psikososial Berdasarkan Jantina Dan Jenis Sekolah	128
4.19	Hasil Ujian ANOVA Perbezaan Min Aspek-Aspek Psikososial Berdasarkan Jantina Murid Dan Jenis Sekolah	129
4.20	Hasil Ujian ANOVA Sehala Perbezaan Min Aspek-Aspek Psikososial Persekutaran Pembelajaran Berdasarkan Jenis Sekolah	131
4.21	Ujian <i>Box's M</i> Kategori Gaya Pembelajaran Berdasarkan Jantina Dan Jenis Sekolah	133
4.22	Hasil Analisis MANOVA Perbezaan Kategori-Kategori Gaya Pembelajaran Berdasarkan Jantina Dan Jenis Sekolah	134
4.23	Hasil Ujian ANOVA Perbezaan Min Kategori-Kategori Gaya Pembelajaran Berdasarkan Jantina Murid Dan Jenis Sekolah	136
4.24	Hasil Analisis Korelasi Spearman's Rho Antara Aspek-aspek Psikososial Persekutaran Pembelajaran	139
4.25	Hasil Analisis Korelasi Spearman's Rho Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Matematik Tambahan	141
4.26	Dapatan Kajian Bagi Analisis Inferensi	142





SENARAI RAJAH

No Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	25
3.1 Persampelan Rawak Berstrata Yang Mengandungi 2 Starata	81
3.2 Prosedur Pengumpulan Data Kajian	93





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

SLEI Science Laboratory Environment Inventory

SK Skala Kepuasan

KBSM Kurikulum Baru Sekolah Menengah

PIPP Pelan Induk Pembangunan Pendidikan

KPM Kementerian Pendidikan Malaysia

SMKH Sekolah Menengah Kebangsaan Harian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SMA Sekolah Menengah Agama

SBP Sekolah Berasrama Penuh

WIHIC What is Happening in This Classroom

PT 3 Penilaian Tingkatan 3

SPM Sijil Pelajaran Malaysia

PBS Pentaksiran Berdasarkan Sekolah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Keaslian
- C Borang Pengesahan Status Tesis
- D Halaman Penghargaan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

- E Halaman Abstrak
- F Halaman Abstract
- G Halaman Kandungan
- H Halaman Senarai Jadual
- I Halaman Senarai Rajah
- J Halaman Senarai Singkatan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Hari ini pendidikan merupakan satu sektor yang penting dalam pembangunan sesebuah negara. Sistem pendidikan yang berkesan akan membantu melahirkan modal insan yang berkualiti. Ini sejajar dengan cabaran yang keenam di dalam Wawasan 2020 iaitu cabaran untuk mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan yang tinggi dan berpandangan ke depan dan bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Maka Matematik dilihat sebagai salah satu mata pelajaran yang penting kerana mata pelajaran Matematik kini tidak lagi dipelajari semata-mata sebagai satu mata pelajaran yang hanya melibatkan pengiraan tetapi lebih daripada itu. Terdapat pelbagai ilmuan Matematik dari seluruh pelosok dunia mencipta rumus-rumus dan kaedah penyelesaian dalam Matematik. Ilmuan ini terdiri daripada Ilmuan Islam, Eropah, China dan India. Kemunculan teori-teori pada zaman dahulu banyak memberi sumbangan ilmu pengetahuan kepada kita hari ini.

Sejak kecil kita didedahkan dengan pelbagai konsep Matematik dalam kehidupan seharian. Antaranya ialah konsep penambahan, penolakan, nisbah dan lain-lain. Di sekolah murid didedahkan bagaimana cara untuk menyelesaikan masalah

Matematik dari peringkat mudah ke peringkat yang lebih sukar. Oleh demikian mata pelajaran Matematik merupakan satu mata pelajaran wajib dari peringkat pendidikan bermula tadika sampai ke peringkat sekolah menengah. Malahan di institusi-institusi pengajian tinggi dalam mahu pun luar negara banyak merangkumi unsur Matematik terutama dalam bidang sains dan teknologi.

Selain itu Matematik juga dilihat sangat berperanan dalam kehidupan kita. Ianya merupakan satu kelebihan dalam menjana ekonomi atau pendapatan seseorang individu. Dalam dunia globalisasi sekarang, seseorang yang cekap dalam Matematik boleh meningkatkan lagi peluang dan pilihan bagi menentukan masa depan mereka (*National Council for Teachers of Mathematics*, 2000). Oleh itu pihak kementerian pendidikan mesti melengkapkan para murid dengan pengetahuan dan kemahiran yang





penting dalam bidang Matematik seperti kemahiran penaakulan, menyelesaikan masalah, berkomunikasi serta keupayaan dan inisiatif untuk belajar sendiri dan berdikari. Sebagai contoh bidang kejuruteraan, dengan penguasaan yang baik dalam mata pelajaran Matematik, murid kejuruteraan lebih mudah untuk memahami konsep kejuruteraan dan prinsip yang diajar di sekolah dan mereka berpotensi untuk lulus sebagai murid yang cemerlang. Oleh itu penguasaan Matematik yang tinggi menjanjikan pekerjaan yang baik dan membolehkan seseorang individu mendapat pendapatan yang lumayan. Oleh itu, bidang Matematik sangat berperanan untuk membentuk satu komuniti saintifik dan teknikal yang menjadi faktor kepada penentu kerjaya seseorang individu.



Secara umum, Kurikulum Matematik Tambahan menekankan pemahaman konsep dengan penguasaan kemahiran di mana penyelesaian masalah antara fokus utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kurikulum ini turut bertujuan menyediakan murid dengan asas yang mencukupi dan lengkap tentang Matematik





bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi serta menceburi bidang yang menjuruskan ke arah sains dan teknologi (Sukatan Pelajaran Kurikulum Baru Sekolah Menengah, 2000). Bagi mencapai matlamat tersebut sukanan pelajaran Matematik Tambahan disusun atur semula dengan mengambil kira kandungan yang terdapat dalam mata pelajaran Matematik. Kandungannya masih mengekalkan fungsi sebagai mata pelajaran pilihan dengan memberikan pendedahan kepada murid terhadap konsep dan kemahiran Matematik yang beraras lebih tinggi dan kompleks berbanding Matematik KBSM yang dipelajari di tingkatan satu, dua dan tiga.

1.2 Latar Belakang Kajian



Kajian ini melibatkan tiga pemboleh ubah utama iaitu persekitaran pembelajaran psikososial, gaya pembelajaran dan pencapaian Matematik Tambahan. Kebanyakan murid akan lebih mudah bertindakbalas secara tidak langsung terhadap persekitaran pembelajaran di sekeliling mereka. Persekitaran yang selesa boleh menggalakkan dan merangsangkan kelakuan pembelajaran seseorang murid supaya lebih ke arah positif mahupun negatif. Menurut Barlett (2003) persekitaran pembelajaran yang selesa dan kondusif boleh membentuk kelakuan pembelajaran murid.

Persekitaran ialah satu keadaan atau suasana yang boleh mempengaruhi kehidupan manusia. Manakala persekitaran pembelajaran merujuk kepada tempat atau





ruang yang disediakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Aktiviti intelektual, persahabatan, kerjasama antara rakan dan guru serta sokongan berlaku membentuk persekitaran pembelajaran yang sihat. Persekitaran pembelajaran yang mengambil kira aspek fizikal dan aspek psikososial berupaya membentuk budaya sekolah yang baik (Hasmah, 2014). Budaya yang terhasil berkeupayaan untuk merangsang minat dan semangat murid untuk terus belajar konsep-konsep yang terdapat dalam Matematik Tambahan (Noor Ema & Leong Kwan Eu, 2014). Selain itu persekitaran pembelajaran juga merujuk iklim sesebuah sekolah yang kebiasaan ditentukan oleh wawasan, nilai dan tujuan sesebuah sekolah. Iklim sekolah yang baik dan kondusif dipengaruhi oleh suasana pembelajaran dan keadaan sekolah yang tertib, teratur, selamat dan tenteram (Siti Zahrina, 2008).



Guru adalah individu yang bertanggungjawab untuk mewujudkan keadaan sesebuah bilik darjah yang kondusif serta berkesan dalam menghadapi tingkah laku murid yang pelbagai. Terdapat dua komponen penting dalam pemboleh ubah persekitaran pembelajaran iaitu persekitaran fizikal dan persekitaran psikososial. Bilik darjah, bahan pengajaran dan pembelajaran, kemudahan sekitaran di dalam dan di luar bilik darjah merupakan persekitaran fizikal. Manakala faktor-faktor yang boleh mempengaruhi corak dan suasana interaksi di dalam kelas pada lazimnya boleh dikategorikan kepada tiga iaitu faktor fizikal, faktor kemanusian yang boleh dilihat dari segi sosial dan emosi serta faktor teknikal (Mok, 2011). Persekitaran yang selesa, kemas dan ceria serta selamat mampu menyeronokkan pengalaman pembelajaran murid sewaktu pengajaran berlangsung. Murid akan seronok apabila berada dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif. Keseronokan untuk hadir ke sekolah





menjadikan murid lebih meminati mata pelajaran yang selama ini dianggap susah (Zalmimi, 2010).

Persekitaran fizikal biasa berkait dengan kemudahan sesebuah kelas. Menurut Mizan Adiliah (2002) persekitaran fizikal lebih berkaitan dengan pembangunan kemudahan seperti bangunan dan kelengkapan perabot. Sebuah bilik darjah yang selesa dan selamat mestilah dilengkapi kemudahan asas iaitu papan hitam, papan kenyataan dan ruang bilik yang sesuai. Manakala persekitaran psikososial merujuk kepada keperluan tentang emosi seseorang individu dengan persekitaran sosialnya. Antara ciri-ciri seperti suasana selesa dan mesra, selamat dari buli dan ugutan, suasana yang merangsang pembelajaran dan memberikan peluang yang sama untuk

semua murid merupakan persekitaran psikososial yang sihat di dalam bilik darjah.

Kebiasaan faktor yang memberikan kesan kepada persekitaran psikososial yang sihat ialah pendekatan pengajaran guru, gaya kepimpinan seseorang guru, bentuk komunikasi antara dua pihak guru dan murid serta corak interaksi yang diwujudkan guru semasa di dalam bilik darjah. Jika persekitaran psikososial ini diabaikan oleh guru, masalah disiplin akan berlaku dalam kalangan murid (Saemah, 2004). Jelas pembentukan persekitaran psikososial yang baik dapat membendung masalah ketertiban murid di sekolah. Oleh itu bagi menguruskan keperluan psikososial setiap murid, guru perlu memupuk sifat asertif dalam dirinya supaya boleh mengendalikan emosi murid-murid. Guru yang bertanggungjawab harus mempunyai matlamat yang jelas, yakin dan tegas dalam menetapkan disiplin selain bersikap adil





kepada semua murid yang diajar di sekolah. Perwatakan sedemikian bagi setiap guru sangat penting kerana dapat membantu membina persekitaran yang tenang dan menyokong perkembangan pembelajaran dan psikososial seseorang murid (Norlia, 2006).

Maka dilihat guru merupakan individu yang paling berpengaruh dalam perkembangan murid dari aspek fizikal, intelek, emosi dan sosialnya. Selain itu seorang pendidik perlu bersifat penyayang dan sentiasa cekap menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan sempurna supaya dapat melahirkan murid berilmu yang akan memberi sumbangan terhadap kemajuan negara.

Terdapat kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat iaitu berkaitan dengan

komitmen dan semangat guru dengan pencapaian akademik murid (Idris, 2005).ptbupsi

Kajian tersebut mendapati kejayaan murid merupakan ganjaran yang sangat besar kepada guru-guru yang komited tanpa merasa penat. Ini jelas menunjukkan bahawa guru tidak mengharap sebarang balasan daripada anak murid selain kejayaan yang diperolehi.

Peranan iklim dan persekitaran bilik darjah akan membawa pengaruh yang penting terhadap pembentukan tingkah laku, imej mental, aspirasi dan interaksi sosial (Salina, 2009). Terdapat kajian pakar-pakar penyelidikan, yang menyatakan suasana fizikal sekolah yang lengkap menjadi keutamaan penting untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Tema-tema seperti „Sekolah ku Syurga ku“, „Sekolah Gemilang Murid Cemerlang“ merupakan moto yang pasti dapat





mewujudkan suasana yang tenang sekaligus mampu mengatasi emosi yang tidak stabil dan tingkah laku yang tidak diingini berlaku di kalangan murid sekolah.

Kebanyakan murid di sekolah mengalami kesukaran dalam pembelajaran Matematik kerana mereka menggunakan gaya pembelajaran yang tidak sepadan (Mohd Salim, 2010). Gaya pembelajaran seseorang murid sering berkait dengan iklim atau persekitaran pembelajarannya. Maka guru perlu membantu dalam menentukan gaya pembelajaran mengikut kebolehan murid tersebut. Dalam teori psikologi perkembangan manusia (Piaget, 1965) pengaruh persekitaran dalam pembesaran seseorang individu itu adalah penting kerana ia akan membentuk tingkah laku seseorang manusia. Selain itu persekitaran dan keadaan sekeliling akan

mempengaruhi cara murid berfikir dan belajar. Kajian oleh Rita Dunn (2011)

berkaitan gaya pembelajaran menunjukkan bahawa persekitaran banyak mempengaruhi proses pembelajaran. Ini bermakna cara pembelajaran murid sangat berkait rapat dengan persekitaran.

Maka persekitaran pembelajaran seharusnya dikendalikan dengan baik agar dapat membantu murid mencapai kejayaan dalam mata pelajaran Matematik Tambahan walau mata pelajaran ini sukar dikuasai dengan penuh oleh murid yang lemah. Persekitaran pembelajaran yang diurus dengan baik akan membentuk gaya pembelajaran yang betul. Oleh itu dalam kajian ini, pemboleh ubah gaya pembelajaran dilihat sama ada memberi kesan terhadap pencapaian murid dalam mata pelajaran Matematik Tambahan atau sebaliknya. Keseluruhan murid yang mengambil





mata pelajaran Matematik Tambahan adalah murid cemerlang dalam mata pelajaran Matematik di tingkatan tiga. Mereka sepatutnya mempunyai asas Matematik yang kukuh dan mantap. Oleh itu, gaya pembelajaran seseorang murid adalah sangat penting dalam pembelajaran mata pelajaran ini. Guru-guru perlu memberi penekanan kepada murid tentang gaya pembelajaran yang sesuai dan berkesan bagi membantu mereka meningkatkan pencapaian hingga ke tahap cemerlang (Mok, 2011). Banyak kajian mengatakan pembelajaran yang mengambil kira gaya pembelajaran murid akan memberi kesan yang besar kepada peningkatan pencapaian, sikap dan tingkah laku (Mohamad Zakaria, 2007).

Secara statistik, Farooq (2011) melihat melalui kajiannya menjelaskan punca

pencapaian merosot dan sikap yang menyenangkan adalah melalui pengajaran menggunakan kaedah pembelajaran yang betul dan sepadan. Gaya pembelajaran yang betul akan membentuk tingkah laku yang lebih baik berbanding gaya pembelajaran yang sebaliknya. Menurut Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978), gaya pembelajaran ialah satu kaedah murid mula memberikan tumpuan, memproses atau menyimpan maklumat baharu dan maklumat yang sukar. Semasa pembelajaran berlaku, setiap murid akan cuba memberikan perhatian terhadap guru semasa mengajar dan mereka akan cuba memproses maklumat yang disampaikan oleh guru lalu menyimpan sebagai memori di dalam minda sedar mereka. Penerimaan dan pemprosesan maklumat baru oleh seseorang murid adalah berbeza-beza di antara seorang murid dengan murid yang lain. Maka amat penting agar guru dapat membantu anak-anak murid mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.





1.3 Pernyataan Masalah

Penggunaan Matematik dalam kehidupan seharian telah bertambah meluas dalam semua lapisan masyarakat. Masyarakat di masa lampau berpandangan bahawa Matematik adalah hanya pengiraan semata-mata, tetapi hari ini masyarakat mula melihat peranan yang dimainkan oleh Matematik meliputi banyak aktiviti seperti pemprosesan data, simulasi, membuat keputusan, penyelesaian masalah dan sebagainya. Oleh sebab itu semua masyarakat perlu beryakinan dan berkebolehan dalam Matematik demi menghadapi masa hadapan yang lebih maju.



Walau bagaimanapun, setiap hari banyak isu yang membimbangkan tentang pendidikan Matematik berlaku daripadanya. Satu darinya ialah tentang kemerosotan pencapaian Matematik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Pencapaian bagi mata pelajaran Matematik Tambahan turut merosot di seluruh negara selain pencapaian di negeri Terengganu. Kajian Zolkepeli *et al.* (2001) mendapati Matematik merupakan mata pelajaran yang paling sukar difahami berbanding dengan mata pelajaran-pelajaran lain. Menyedari perkara tersebut, penekanan harus diberi kepada proses penyelesaian masalah Matematik dan pemahaman konsep semasa pengajaran. Dalam kalangan murid di sekolah mahu pun di institusi pengajian tinggi, ramai yang merasakan Matematik sebagai mata pelajaran yang sukar difahami, menjemukan dan kurang memberi makna secara langsung kepada mereka sedangkan ilmu pengetahuan ini perlu dikuasai dan digunakan di dalam kehidupan seharian (Idris, 2005).





Sehubungan itu pelbagai usaha dipertingkatkan supaya generasi hari ini sentiasa bijak Matematik. Antara sebab kemerosotan pencapaian mata pelajaran ini di sekolah-sekolah adalah disebabkan para murid menganggap Matematik sebagai suatu mata pelajaran yang sukar dan menjemu. Ramai murid tidak berminat untuk mempelajari mata pelajaran ini. Bilangan murid yang memasuki aliran sains juga didapati semakin menurun dan tidak menyasarkan dasar 60 bagi sains dan sastera 40 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Dasar ini amat penting dilaksanakan demi merealisasikan hasrat kerajaan bagi menyokong dan mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi negara. Walaupun layak untuk memasuki aliran sains selepas Penilaian Tingkatan 3 (PT3), ramai murid tidak berminat dan tidak mahu mempelajari aliran sains. Masalah minat murid mungkin berkaitan dengan strategi dan gaya pengajaran guru yang diamalkan dalam pembelajaran Matematik Tambahan. Pengajaran guru hari ini masih berpusatkan murid (Effand & Zanaton, 2007) dan masih mendominasikan kelas. Kaedah mengajar jenis ini menyebabkan murid kurang diberikan kebebasan.

Maka, guru perlu menggunakan kaedah pengajaran yang mudah dan senang difahami. Malahan, mereka juga bertanggungjawab untuk menghilangkan perasaan takut kepada Matematik yang tertanam dalam diri kebanyakan murid. Murid perlu diyakinkan bahawa kegagalan murid-murid pada masa lalu disebabkan kecuaian dan sikap sambil lewa mereka semasa belajar adalah tidak benar. Kepercayaan terhadap Matematik murid di tahap yang rendah. Guru perlu mengambil usaha untuk mengubah kepercayaan mereka supaya menyukai mata pelajaran Matematik. Guru yang mempunyai sikap yang positif mungkin akan lebih terbuka untuk membantu





murid yang mempunyai kepercayaan sedemikian. Ini adalah kerana pencapaian Matematik turut mempengaruhi mata pelajaran lain seperti Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan. Oleh itu guru patut memandangkan masalah ini dengan lebih serius. Beberapa strategik seperti contoh kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) seperti penggunaan kalkulator saintifik diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Usaha ini satu semangat baru bagi murid-murid yang lemah dalam pengiraan.

Kebimbangan terhadap Matematik terlalu tinggi menyebabkan mereka gerun terhadap satu lagi cabang Matematik iaitu Matematik Tambahan. Sehingga kini, mata pelajaran Matematik Tambahan masih dianggap sukar oleh kebanyakan murid tingkatan empat dan lima. Menurut Ma dan Xu (2004), faktor pencapaian murid turut mempengaruhi tahap kebimbangan Matematik. Bilangan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh gred cemerlang dalam mata pelajaran Matematik Tambahan dianggarkan hanya 10 hingga 20 peratus berbanding dengan Matematik Moden. Malah ramai calon SPM yang mendapat gred A dalam Matematik tetapi gagal dalam Matematik Tambahan. Berikutnya dari situ ramai murid yang lain tidak berminat untuk mempelajari mata pelajaran ini walau mata pelajaran ini penting untuk mereka menceburi bidang sains dan teknologi di peringkat tinggi.

Penguasaan pemikiran kognitif yang tinggi merupakan keperluan utama bagi seseorang murid menguasai topik-topik dalam mata pelajaran ini. Oleh itu bagi murid yang lemah terhadap pengajaran guru akan terus tercicir dalam menguasai mata





pelajaran ini. Di samping itu murid yang lebih menunjukkan inisiatif sendiri untuk membuat latihan dan sentiasa bersikap positif terhadap mata pelajaran ini diikuti dengan ketekunan untuk mencuba adalah kunci kejayaan dalam mata pelajaran tersebut. Masalah pencapaian yang rendah dan sentiasa merosot dari tahun ke tahun dalam mata pelajaran Matematik Tambahan perlu diberi perhatian sewajarnya. Matlamat utama kewujudan Matematik Tambahan adalah untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan Matematik ke peringkat tinggi bagi memperkembangkan pemikiran murid dalam segi kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran berkomunikasi melalui elemen Matematik, kemahiran penggunaan Matematik dalam situasi sebenar dan pemikiran logik.



murid-murid bawah tanggungan kerajaan. Penempatan yang pertama ialah murid berdaftar ke sekolah yang berlainan seperti sekolah harian biasa, sekolah berasrama penuh dan sekolah teknik. Penempatan kedua ialah murid-murid ditawarkan ke dalam kelas aliran sains, sastera atau teknikal di dalam sekolah yang sama. Manakala penempatan ketiga pula murid-murid ditempatkan di kelas yang berlainan mengikut tahap kognitif atau tahap pemikiran dan kemampuan murid atau lebih dikenali sebagai pengaliran kelas (*streaming*). Penempatan terakhir bagi murid-murid yang mempunyai perbezaan dari segi keupayaan untuk berfikir, dengan dibahagikan kepada kumpulan yang berasingan di dalam kelas semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Di penempatan ini pengajaran guru bukan hanya terhad pada satu kaedah sahaja malah berbagai-bagai strategi, aktiviti dan bahan bantu mengajar berdasarkan kemampuan kumpulan-kumpulan tersebut (Abu Zahari, 1987).





Untuk itu pentaksiran digunakan dan berperanan sebagai penunjuk aras pencapaian akademik murid secara berpanjangan setiap masa yang dikenali Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) selain ujian tahunan turut dijalankan membolehkan guru mendapatkan maklum balas bagi membuat perubahan, pemulihan yang telah dilaksanakan ataupun pengayaan ilmu yang dicadangkan guru demi menjana kecemerlangan murid secara menyeluruh.

Sistem penempatan sedemikian menyebabkan ramai murid tidak berminat untuk berada di aliran sains. Mereka lebih berminat mempelajari mata pelajaran yang mudah dan senang untuk difahami. Sehingga hari ini bilangan murid tidak dapat menyasarkan dasar 60:40. Ini sekaligus menunjukkan ramai murid tidak berminat

(Siti Aloyah, 2002; Zanaton et al., 2006) dan tidak mahu mendalami aliran sains selepas PT3 walaupun mereka layak. Satu kebimbangan adalah terhadap Matematik Tambahan. Mereka menganggap mata pelajaran ini akan menggagalkan mereka dalam peperiksaan SPM nanti. Ini boleh mengakibatkan bilangan murid berkurangan

ke peringkat tinggi untuk menceburi kursus-kursus yang berpengetahuan tinggi seperti bidang sains dan teknologi yang melibatkan banyak pengetahuan Matematik. Kemasukan ke matrikulasi sains sendiri meletakkan gred minimum ‘c’ iaitu lulus dalam peperiksaan SPM bagi mata pelajaran Matematik Tambahan sebagai syarat utama kemasukan ke pusat tersebut.

Penyebaran ilmu akan lebih menyeluruh apabila persekitaran pembelajaran tersebut kondusif. Ini kerana sebahagian besar masa murid dihabiskan dalam bilik





darjah. Menurut Patrik et al. (2007), terdapat hubungan yang kuat antara persepsi murid dengan tahap motivasi dan penglibatan murid dalam persekitaran pembelajaran. Maka persekitaran dilihat satu faktor yang sangat penting dalam mencapai kejayaan akademik. Maka seseorang guru mesti memberi perhatian kepada suasana bilik darjah seperti kebersihan, keceriaan, kedudukan kerusi meja murid dan guru serta perhubungan antara satu sama lain. Seperti yang sedia maklum, ramai murid yang lemah dalam pembelajaran Matematik Tambahan. Jika terdapat gangguan dalam aktiviti pembelajaran maka kepuasan seseorang murid tidak akan tercapai. Persekutuan psikososial merujuk kepada perkaitan antara keperluan emosi individu dengan persekitaran sosialnya.



darjah ialah suasana selesa dan mesra (Hasmah, 2014). Suasana yang teratur dan selamat memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan tahap motivasi murid. Hubungan antara murid dan guru serta hubungan sesama murid yang positif, saling membantu antara satu sama lain merupakan asas kejayaan pengurusan bilik darjah. Terdapat beberapa faktor yang memberikan kesan kepada persekitaran pembelajaran psikososial yang sihat di antaranya ialah pendekatan pengajaran, gaya kepimpinan guru, bentuk komunikasi dan corak interaksi yang wujud di dalam bilik darjah.

Dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah, guru perlu mengambil kira keperluan seseorang murid, perkembangan kognitif dan juga gaya pembelajaran





murid yang berbeza-beza antara satu sama lain. Murid merupakan golongan manusia yang masih memerlukan bimbingan daripada pihak yang lebih dewasa. Antara panduan guru adalah meliputi cara mendalami keperluan murid iaitu termasuk keperluan untuk memahami matlamat dan objektif pengajaran guru, melibatkan diri secara aktif dan berkualiti, mengetahui hubungan antara perkara yang diajar di dalam bilik darjah dengan kehidupan sebenar mereka serta cara berinteraksi secara positif di kalangan rakan sebaya. Selain itu, gaya kepimpinan guru akan memberi kesan kepada suasana pembelajaran murid. Guru yang sering menggunakan kuasanya sebagai ketua akan menjadikan suasana pembelajaran yang tertekan dan tidak menyeronokkan di samping akan mewujudkan suasana yang tidak kondusif kepada murid-murid. Manakala gaya kepimpinan bersifat demokratik akan melahirkan murid yang cemerlang dari segi pencapaiannya.



Komunikasi berkesan antara guru dengan murid dan murid dengan murid adalah aspek utama kepada pengurusan bilik darjah yang baik. Kemahiran dalam komunikasi berkesan memberikan satu peluang kepada guru bersikap lebih mesra dan merasai interaksi yang baik dengan anak-anak muridnya. Tindakan guru sedemikian menjadikan murid akan dapat merasakan dirinya dihargai dan disayangi oleh gurunya. Terdapat dua kemahiran dalam komunikasi iaitu kemahiran menghantar maklumat dan kemahiran menerima maklumat. Tindakan pertuturan yang jelas dengan menggunakan bahasa yang sesuai iaitu mudah difahami adalah kemahiran menghantar maklumat.





Guru perlu bersikap tertib iaitu dengan merenung ke arah murid selain cuba mewujudkan hubungan mata apabila berkomunikasi dengan murid tersebut. Ini kerana komunikasi dua hala turut menggalakkan hubungan antara guru dengan murid. Pada waktu yang sama, guru turut boleh merancang beberapa program yang menarik untuk mengambil perhatian murid seperti belajar dalam kumpulan dan sering menolong antara satu sama lain serta dapat bertukar idea supaya lebih bernes. Namun terdapat juga para murid akan menghadapi masalah dalam menyesuaikan diri apabila berada di kalangan murid lain. Murid-murid sedemikian mempunyai masalah untuk bersosial. Maka amat penting seseorang guru untuk mengetahui tahap sosial murid supaya membantu guru membentuk kumpulan yang dapat mewujudkan sikap bekerjasama. Oleh itu pembentukan persekitaran pembelajaran psikososial yang sihat amat penting bagi merangsang dan menyokong pembelajaran.



Begitu juga dengan gaya pembelajaran, murid mungkin tidak mengamalkan gaya pembelajaran yang sesuai dan berkesan menyebabkan pencapaian Matematik Tambahan merosot. Gaya pembelajaran adalah merupakan elemen penting yang boleh mempengaruhi kejayaan seseorang murid. Menurut Raai (2014) setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza-beza serta dipengaruhi oleh sikap, pemikiran dan pendekatan terhadap pembelajaran. Walaupun hampir semua murid di kelas aliran sains yang mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan mempunyai potensi pencapaian yang sama, namun gaya pembelajaran mungkin berbeza. Dalam bilik darjah, guru-guru kurang memberi penekanan kepada murid tentang gaya pembelajaran atau kaedah belajar yang sesuai.





Menurut Norlia (2006), tugas guru dalam menolong murid memahami kecenderungan dan kaedah belajar bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran seterusnya membawa pencapaian yang baik. Ini bermakna guru sangat berperanan dalam pembentukan kejayaan murid. Memandangkan persekitaran pembelajaran psikososial dan gaya pembelajaran merupakan salah satu faktor yang memberi kesan kepada pencapaian Matematik Tambahan, maka penyelidik merasakan adalah perlu untuk menjalankan kajian dalam aspek ini. Memang sesuatu yang merugikan sekiranya murid yang bijak dan sepatutnya memperolehi kejayaan dalam mata pelajaran ini gagal mendapat keputusan yang baik disebabkan oleh gaya pembelajaran mereka tidak dapat diketahui oleh guru serta tidak menerima persekitaran pembelajaran psikososial yang lebih sepadan.



Justeru, faktor-faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan murid perlu dikaji dan dikenal pasti supaya hasrat untuk melahirkan murid-murid yang cemerlang dalam bidang Matematik dan sains tercapai dengan jaya. Usaha guru terhadap murid-murid akan berhasil sekiranya guru tersebut ikhlas dan tidak mempunyai rasa jemu dalam pengajaran. Selain usaha kreativi guru dalam mencapai pengajaran turut membantu para murid terutama dalam memahami konsep-konsep yang kompleks.





1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menentukan hubungan di antara persekitaran pembelajaran dan gaya pembelajaran murid terhadap pencapaian mata pelajaran Matematik Tambahan Tingkatan 4. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan yang wujud di antara persekitaran pembelajaran dan gaya pembelajaran terhadap pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4.

1.5 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian ini:

1. Mengenal pasti tahap persepsi murid terhadap persekitaran pembelajaran psikososial dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan.
2. Mengenal pasti gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan oleh murid dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap persepsi murid tentang persekitaran pembelajaran psikososial dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan berdasarkan jantina dan jenis sekolah.
4. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan gaya pembelajaran murid dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan berdasarkan jantina dan jenis sekolah.
5. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial dengan pencapaian Matematik Tambahan dalam kalangan murid.





6. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara kategori-kategori gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan dalam kalangan murid.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, maka kajian ini akan menjawab beberapa persoalan berikut :

1. Apakah tahap persepsi murid terhadap persekitaran pembelajaran psikososial dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan?
2. Apakah gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan oleh murid dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap persepsi murid tentang persekitaran pembelajaran psikososial dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan berdasarkan jantina dan jenis sekolah?
4. Adakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran murid dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan berdasarkan jantina dan jenis sekolah?
5. Adakah terdapat hubungan antara aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial dengan pencapaian Matematik Tambahan dalam kalangan murid?
6. Adakah terdapat hubungan antara kategori-kategori gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan dalam kalangan murid?





1.7 Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis kajian dibina untuk mencapai tujuan kajian iaitu:

Hipotesis nol bagi persoalan kajian 3:

H_0 1: Tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan tentang persekitaran pembelajaran psikososial dalam kalangan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Matematik Tambahan berdasarkan jantina dan jenis sekolah.

H_0 1a : Tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan tentang aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial berdasarkan jantina murid.

H_0 1b : Tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan tentang aspek-aspek



H_0 1c Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jantina dan jenis sekolah terhadap persepsi tentang aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial dalam murid.

Hipotesis nol bagi persoalan kajian 4

H_0 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran murid dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan murid berdasarkan jantina dan jenis sekolah.

H_0 2a: Tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang signifikan berdasarkan jantina murid.





H_o2b: Tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang signifikan berdasarkan jenis sekolah.

H_o2c Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jantina dan jenis sekolah terhadap gaya pembelajaran murid.

Hipotesis nol bagi persoalan kajian 5

Ho 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial dengan pencapaian Matematik Tambahan dalam kalangan murid.

Hipotesis nol bagi persoalan kajian 6



Ho 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan kategori-kategori gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan dalam kalangan murid.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini dijalankan melalui pengumpulan data secara kuantitatif. Dua set instrumen soal selidik telah digunakan iaitu instrumen WIHIC yang dibangunkan oleh Frazer et al. (1996) dan telah diadaptasikan oleh Mazlini (2014) manakala instrumen untuk mengumpul data mengenai gaya pembelajaran adalah daripada item gaya pembelajaran Model Dunn dan Dunn (1978) yang diubahsuai dari instrumen kajian-kajian terdahulu. Terdapat tiga boleh ubah bersandar yang diukur iaitu





persekitaran pembelajaran psikososial, gaya pembelajaran dan pencapaian Matematik Tambahan. Manakala boleh ubah tidak bersandar ialah jantina dan jenis sekolah.

Merujuk kerangka konseptual yang dibentuk oleh Norlia et al. (2006) satu kerangka konseptual dibentuk bagi memberi gambaran tentang perancangan kajian ini selaras dengan tujuan kajian. Peringkat pertama, menentukan tahap persepsi murid terhadap persekitaran pembelajaran semasa mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Terdapat lima aspek yang dilihat iaitu keakraban murid, kerjasama murid, sokongan guru, kesaksamaan guru dan penglibatan murid. Di peringkat ini juga gaya pembelajaran murid yang paling digemari ditentukan. Gaya pembelajaran pula, merujuk model gaya pembelajaran Dunn Dunn (1978) yang terdiri daripada lima kategori iaitu persekitaran, psikologikal, sosiologikal, fizikal dan psikologikal.



Seterusnya, peringkat yang kedua, mengenal pasti perbezaan tahap persepsi persekitaran pembelajaran dan gaya pembelajaran berdasarkan jenis sekolah dan jantina responden. Setiap murid mempunyai strategi belajar dan kemahiran belajar yang berlainan dengan kadar pembelajaran adalah tidak sama dengan murid yang lain, walaupun umur mereka adalah sama. Santhi Suppiah (2000) membincangkan perbezaan murid dapat dikaji dengan kepelbagai atau ketidaksamaan individu daripada norma kumpulan, sama ada sifat-sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkah laku sosial, bakat dan lain-lain aspek yang mungkin wujud di kalangan murid. Guru berperanan dalam memilih kaedah dan aktiviti pembelajaran yang sesuai untuk menjamin keberkesanan pengajaran. Manakala peringkat ketiga pencapaian murid





dalam mata pelajaran Matematik Tambahan dilihat dengan meninjau hubungan tahap persepsi persekitaran pembelajaran, gaya pembelajaran dan pencapaian murid dalam Matematik Tambahan.

Sesetengah murid dapat melakukan proses pembelajaran dengan amat berkesan dalam keadaan yang sejuk, senyap dan teratur (Dunn & Dunn, 1981). Terdapat pula murid yang hanya boleh belajar dengan alunan muzik. Suasana yang beralun muzik membolehkan murid tersebut menumpu perhatian yang penuh terhadap topik yang dipelajarinya (Abd Rahman, 2009). Gaya pembelajaran juga merupakan kaedah seseorang murid memberi respon terhadap dunia sekitarnya dan menggunakan gaya pembelajarannya untuk berinteraksi dengan persekitarannya. Ini bermakna gaya



Persekitaran pembelajaran aspek psikososial terdiri daripada keakraban rakan iaitu murid juga mempunyai insentif untuk membantu murid lain untuk mencapai objektif pembelajaran dalam persekitaran kerjasama antara murid. Murid yang menguasai pembelajaran memberikan kesan kebaikan berbanding murid yang belum menguasai dengan menghulurkan bantuan. Dalam hal ini, bantuan sebegini akan memberi rangsangan kepada rakan yang lemah.





Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu penerokaan terhadap penentuan persekitaran pembelajaran psikososial dan gaya pembelajaran terhadap murid dengan pencapaian Matematik Tambahan murid-murid tingkatan empat. Dapatan kajian ini, diharapkan dapat memberi faedah kepada peningkatan pengajaran dan pembelajaran terutamanya kepada murid tingkatan lima, guru-guru, ibu dan bapa dan pihak pengurusan sekolah.





Antara kepentingan yang dijangkakan dapat disumbangkan ialah seperti murid dapat meningkatkan perkembangan dalam belajar melalui cara pembelajaran yang betul dan mengetahui punca masalah pembelajaran yang mereka hadapi supaya langkah yang perlu boleh diambil untuk mengatasinya. Selain itu murid juga dapat menekankan dan menyuburkan budaya gaya pembelajaran dan kemahiran belajar supaya mereka dapat mengelola kualiti persekitaran pembelajaran psikososial masing-masing. Amalan gaya pembelajaran yang sepadan akan dapat membantu untuk belajar dengan lebih berkesan.

Dapatan kajian ini juga memberi panduan kepada guru untuk lebih memahami gaya pembelajaran setiap murid dalam kelas seterusnya dapat memantapkan lagi

pengajaran mereka supaya lebih bersesuaian dengan tahap pembelajaran murid.

Apabila guru dapat memahami gaya pembelajaran murid, guru secara tidak langsung dapat membantu murid mencari teknik yang sesuai untuk dipadankan sewaktu belajar di dalam kelas. Tindakan sedemikian lebih memberikan motivasi untuk mereka untuk lebih berjaya. Selain itu guru dapat memahami kehendak pembelajaran murid dan menggunakan maklumat kajian ini dalam merancang bahan pengajaran bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan gaya dan amalan pembelajaran murid serta persekitaran pembelajaran psikososial yang kondusif.

Di samping itu turut membantu pihak pengurusan sekolah mengesan masalah akademik murid dan memperbaiki persekitaran yang sesuai dengan kepelbagaiannya gaya





pembelajaran yang wujud di kalangan murid. Maklumat tentang aspek psikososial juga dapat memberikan gambaran kepada pentadbir sekolah tentang gaya pengajaran guru dan interaksi yang terbentuk antara murid dengan guru. Selain itu pihak pentadbir dapat mengenal pasti kelemahan guru dalam mengendalikan pembelajaran dan keperluan murid untuk pengajaran yang lebih berkesan.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini satu usaha untuk mengetahui sama ada faktor persekitaran pembelajaran psikososial mempengaruhi gaya pembelajaran yang memberi impak kepada pencapaian murid. Maka, antara batasan-batasan kajian ini ialah:

- Skop kajian hanya bertumpu kepada murid-murid tingkatan empat yang mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan. Terdapat 482 murid yang terlibat sebagai populasi kajian dan 205 murid telah dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini tidak melibatkan murid-murid tingkatan lima yang turut mengambil mata pelajaran ini. Justeru kajian ini tidak mencerminkan secara terus amalan gaya pembelajaran dan pencapaian Matematik Tambahan murid-murid di tingkatan lain di negeri Terengganu.
- Kajian ini melibatkan sekolah-sekolah menengah di daerah Setiu sahaja. Antara jenis sekolah yang terlibat ialah sekolah menengah harian, sekolah menengah agama dan sekolah berasrama penuh. Sekolah-sekolah tersebut merupakan sekolah kategori luar bandar dan dapatan kajian ini tidak seseuai untuk kajian sekolah-sekolah di bandar.





- Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik WIHIC dan Gaya Pembelajaran Model Dunn dan Dunn dan bertujuan untuk mengkaji mengenai gaya pembelajaran dan persekitaran pembelajaran terhadap pencapaian pelajaran Matematik Tambahan. Kajian ini hanya terbatas kepada faktor persekitaran pembelajaran psikososial dan gaya pembelajaran yang mempengaruhi pencapaian Matematik Tambahan murid. Faktor-faktor lain yang mempengaruhi pencapaian tidak diambil kira dalam kajian ini. Manakala pencapaian hanya merujuk pencapaian murid dalam peperiksaan pertengahan tahun dan bukan daripada peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan peperiksaan di peringkat sekolah.

1.11 Definisi Operasional



Berikut ialah istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini:

Gaya Pembelajaran

Dalam kajian ini Model Gaya pembelajaran Dunn dan Dunn digunakan sebagai rujukan. Menurut Dunn dan Dunn (1978), gaya pembelajaran merupakan satu cara seseorang murid mula memberikan perhatian, memproses dan mengingat sesuatu maklumat yang baru dan susah. Model ini mempunyai lima kategori gaya pembelajaran Dunn dan Dunn yang terdiri daripada kategori Persekutaran, Emosional, Sosiologikal, Fizikal dan Psikologikal.





Pencapaian Matematik Tambahan

Merujuk Kamus Dewan (2007) pencapaian bermakna apa yang telah dicapai atau prestasi diperolehi. Dalam kajian ini, maksud pencapaian adalah merujuk kepada pencapaian mata pelajaran Matematik Tambahan yang dicapai oleh murid tingkatan empat di daerah Setiu dalam peperiksaan pertengahan tahun 2014. Pentaksiran ini dibuat selaras oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Ini bererti soalan yang dijawab adalah sama dan digredkan selaras. Gred yang dicapai murid dikategorikan mengikut tahap pencapaian seperti dalam **Jadual 1.1**

Jadual 1.1

Gred dan Tahap Pencapaian Murid

Gred	Tahap Pencapaian
A+, A, A-	Cemerlang
B+, B	Kepujian Tinggi
C+, C	Kepujian
D, E	Lulus
G	Gagal

Sumber : KPM (2014)

Murid Tingkatan Empat

Dalam kajian ini, murid Tingkatan Empat ialah kumpulan murid yang berumur di antara 15 hingga 16 tahun. Mereka telah menduduki peperiksaan Penilaian Tingkatan 3 tahun 2015 dan memasuki tingkatan empat pada tahun 2015. Terdapat dalam





kalangan mereka yang mempunyai keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran Matematik di tingkatan tiga iaitu Penilaian Tingkatan 3 dan terdapat murid yang hanya memperoleh gred lulus sahaja dalam mata pelajaran Matematik.

Persekutaran Pembelajaran Psikososial

Dalam kajian ini, persekitaran psikososial hanya merujuk kepada keakraban murid, kerjasama antara murid, kesaksamaan guru, sokongan guru dan penglibatan murid di dalam kelas. Menurut Kilgour (2006) aspek psikososial dalam persekitaran pembelajaran termasuk tingkah laku dan hubungan murid dan guru di dalam bilik darjah. Kerjasama antara murid adalah merujuk kepada situasi murid berkerjasama dan saling membantu antara satu sama lain semasa pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan. Hubungan ini menunjukkan murid sentiasa dalam keadaan bantu membantu, mengenali rakan dengan baik.

Keakraban Rakan

Dalam kajian ini aspek keakraban rakan merujuk sejauh mana murid menolong dan menyokong antara satu sama lain.

Sokongan Guru

Dalam kajian ini aspek sokongan guru merujuk kepada sejauh mana guru membantu, menyokong dan memberi perhatian kepada permasalahan murid semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung.





Penglibatan

Dalam kajian ini aspek penglibatan merujuk sejauh mana murid berminat untuk menumpukan perhatian, mengambil bahagian dalam kelas dan melibatkan diri dengan murid yang lain bagi mendapatkan idea baru.

Kerjasama

Dalam kajian ini aspek kerjasama merujuk sejauh mana murid dapat bekerjasama antara satu sama lain semasa menjalankan sebarang aktiviti di sekolah.



Dalam kajian ini aspek kesaksamaan merujuk sejauh mana guru melayan murid dengan sama rata, termasuk semasa memberikan pujian, bertanyakan soalan dan peluang untuk terlibat dalam sebarang perbincangan.

1.12 Kesimpulan

Bab ini mengandungi pengenalan kajian diikuti latar belakang kajian. Terdapat dua objektif kajian utama iaitu perkaitan di antara persekitaran pembelajaran dan gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan murid Tingkatan 4. Gaya pembelajaran murid dilihat dari aspek persekitaran, emosi, sosiologi, fizikal dan psikologi. Sungguhpun tidak banyak kajian yang mengaitkannya dengan Matematik Tambahan berdasarkan hasil kajian yang pernah dijalankan oleh penyelidik luar





negeri, gaya pembelajaran didapati dipengaruhi oleh kelima-lima aspek yang terdapat dalam model Dunn dan Dunn (1978).

Seterusnya, hubungan di antara gaya pembelajaran dan persekitaran pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran Matematik Tambahan akan dikaji. Responden yang terlibat secara langsung dalam kajian ini ialah murid di tingkatan empat kerana kumpulan murid ini dianggap telah matang dalam membuat keputusan (Wan Mariana, 2013). Mereka telah didedahkan dengan gaya pembelajaran dan iklim persekitaran pembelajaran psikososial yang baik di sekolah oleh semua pihak baik guru mahu pun pihak pengurusan. Sekolah-sekolah menengah yang terpilih pula merangkumi tiga kategori sekolah seperti sekolah menengah harian, sekolah agama dan sekolah berasrama penuh. Sehubungan itu juga, penyelidik mengambil kira jantina dan jenis sekolah untuk mendapatkan hubungan yang lebih jelas dan mantap dalam kajian ini

